

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos/September
2010

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab semua soalan **Bahagian A** dan **satu soalan dari Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan iklan penjualan rumah. Huraikan kriteria-kriteria yang menjadi pilihan pembeli untuk memiliki sesebuah rumah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KRITERIA RUMAH IDAMAN

TAMAN IMPIAN
Rumah idaman anda

Hak Milik Bebas

Kawasan Keselamatan

5 kilometer dari pusat bandar

**Fasa Baharu
Kini Dibuka
Dari RM 288,000.00
Mampu Milik**

**4 Bilik Tidur
Anjung 2 Kereta**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Usaha untuk merealisasikan budaya disiplin unggul di sekolah amat penting.
Jelaskan peranan anda dalam membantu pihak sekolah untuk mencapai hasrat tersebut.
- 2 Kejadian kanak-kanak dan remaja hilang daripada pangkuan keluarga semakin menjadi-jadi walaupun usaha-usaha telah diambil oleh pelbagai pihak untuk menanganinya.
Huraikan pendapat anda tentang punca-punca dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.
- 3 Industri pembuatan makanan halal ialah salah satu usaha kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebagai pegawai di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, anda dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk 'Kepentingan Industri Makanan Halal' kepada pengusaha-pengusaha makanan.
Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.
- 4 Kemelesetan ekonomi dunia menjejaskan pembangunan di kebanyakan negara dalam pelbagai aspek.
Ulaskan pernyataan di atas.
- 5 Peribahasa 'Serumpun bagai serai, selubang bagai tebu' menggambarkan sikap bersatu hati dalam segala hal.
Bincangkan kelebihan-kelebihan mengamalkan sikap bermuafakat dalam hidup bermasyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT